

muktamad sama ada Kontraktor layak mendapat pengecualian bayaran ganti rugi hendaklah dibuat oleh P.P. mengikut format seperti di Lampiran 11D.

- (c) Sebaik sahaja Perakuan Pengecualian Bayaran Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dikeluarkan, jumlah bayaran yang dikecualikan itu bolehlah dibayar balik kepada Kontraktor. Walau bagaimanapun bayaran balik itu boleh dibuat semasa Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.
- (d) Pengecualian dan pembayaran balik ganti rugi hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

11.8.4 Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan adalah merupakan hasil kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya permohonan pengecualian daripada Kontraktor sedang dalam pertimbangan, jumlah tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Amanah. Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan hanya boleh dikreditkan ke Akaun Hasil setelah Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad selesai untuk mengelakkan proses bayar balik tersebut mengambil masa yang lama.⁶

11.8.5 Jika Kontraktor berhasrat untuk memohon pelepasan bagi baki Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan yang tidak diluluskan, Kontraktor hendaklah memohon terus kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan selanjutnya.

⁶ Surat Bil (7) dlm KKR/BA/08/08/3/1 bertarikh 1.9.2004